

15/07/1998

Kurangkan birokrasi: KSN

SEREMBAN, Selasa - Ketua jabatan dan kakitangan awam diminta meningkatkan mutu perkhidmatan masing-masing dengan mengurangkan kerenah birokrasi, kata Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Abdul Halim Ali.

Beliau berkata, ini selaras dengan seruan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang mahukan sesuatu kelulusan itu yang biasanya memakan masa satu atau dua bulan, patut diberikan dalam dua atau tiga hari dan jika boleh, dalam masa sehari.

"Ini penting kerana antara strategi yang baik bagi membolehkan negara menghadapi kegawatan ekonomi ialah meningkatkan kerjasama antara sektor awam dan swasta," katanya.

Beliau berucap pada majlis penyampaian Anugerah Kumpulan Meningkatkan Mutu Kerja (KMK) dan Inovasi Perkhidmatan Awam Peringkat Kebangsaan 1998 di sini, petang ini.

Hadir ialah ketua jabatan Persekutuan dan negeri, termasuk Pengarah Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), Tan Sri Dr Mazlan Ahmad, Ketua Pengarah Unit Pemodenan dan Tadbiran Malaysia (Mampu), Datuk Dr Mohd Rais Abdul Karim dan Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Mohd Shahid Mohd Taufek.

Beliau berkata, Perdana Menteri juga mengingatkan kakitangan awam bekerja lebih kuat dan tidak mengalah kepada cabaran yang melanda negara.

"Oleh itu, kita bertanggungjawab untuk sama-sama memastikan dapat memberikan sumbangan masing-masing seberapa yang boleh dalam menghadapi kegawatan ekonomi.

"Salah satu strategi terbaik untuk mengatasi kegawatan ekonomi ialah dengan mengelakkan pembaziran, sama ada masa, sumber, tenaga atau wang.

"Keadaan ekonomi sekarang adalah luar biasa oleh itu, ia memerlukan komitmen luar biasa, termasuk anggota perkhidmatan awam," katanya.

Abdul Halim berkata, perkhidmatan awam begitu banyak mengalami perubahan serta kemajuan dan yang demikian, banyak lagi pembaharuan perlu diperkenalkan.

Ini, katanya supaya mereka tidak terus terkongkong dengan fungsi tradisinya, iaitu hanya terikat dengan peraturan serta prosedur yang ketat, pemusatan kuasa dan keputusan daripada pihak atasan saja.

Menurutnya, oleh itu KMK dan inovasi adalah alat bagi membolehkan anggota kakitangan awam menilai semula sistem yang ada selaras dengan perjuangan menegakkan Gerakan Budaya Kerja Cemerlang Malaysia.

Mengulas mengenai keputusan kerajaan melanjutkan khidmatnya selama dua tahun mulai esok, Halim berterima kasih kepada Perdana Menteri kerana memberi kepercayaan terus memimpin perkhidmatan awam negara ini.

"Saya akan melaksanakan tanggungjawab yang diberikan itu demi memajukan pentadbiran awam sebagai sebuah badan yang cekap," katanya.

(END)